



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**20 Jun 2022**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Aktiviti Mencandat Sotong Perlu Lesen
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (Kuching)	•
The Sun	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		31	20/6/2022

# Aktiviti mencandat sotong perlu lesen

Hanya dibenarkan selepas nelayan memiliki lesen vesel dan guna peralatan mengail sahaja

Oleh NORAWAZNI YUSOF  
KUANTAN

Jabatan Perikanan Pahang memberi amaran tindakan tegas boleh dikenakan terhadap nelayan yang menjalankan aktiviti menangkap atau mencandat sotong tanpa lesen di perairan negeri ini.

Pengarahnya, Abdullah Jaafar berkata, aktiviti mencandat sotong hanya dibenarkan selepas memiliki lesen vesel daripada pihaknya dan perlu menggunakan peralatan mengail yang dibenarkan sahaja.

Menurutnya, mereka yang tidak memiliki lesen akan dikenakan kompaun mengikut Akta Perikanan 1985 jika didapati melanggar peraturan.

"Bagi kes tidak mempunyai lesen, mereka yang terlibat boleh didakwa di mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM20,000 atau dipenjarakan atau kedua-duanya.

"Mereka yang mempunyai lesen tetapi melanggar peraturan ditetapkan boleh dikenakan kompaun tidak kurang RM500, jika didapati bersalah mengikut peruntukan yang telah digariskan," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Beliau menjelaskan, mereka yang memiliki lesen perlu mematuhi setiap peraturan seperti menjalankan aktiviti menangkap sotong dan ikan di luar kawasan dua batu nautika dari pantai.

Abdullah menambah syarat yang ditetapkan oleh jabatan bertujuan



ABDULLAH

menjaga sumber perikanan supaya tidak terjejas dan menjaga kelestarian di perairan Pahang.

"Adalah penting kesedaran semua pihak berhubung tindakan perlindungan kepada sumber perikanan yang perlu diberi perhatian," ujarnya.

Menurut Abdullah, mencandat sotong antara produk pelancongan di Pahang yang menjadi salah satu punca pendapat-

an nelayan.

"Saya difahamkan ketika ini musim sotong, jadi ia memberi peluang kepada nelayan dan pelancong mencandat sotong. Pelancong akan menyewa bot nelayan setempat untuk turun ke laut, hasil yang diraih dikatakan memuaskan.

"Jadi aktiviti ini (mencandat) sotong dilakukan oleh pelancong dan nelayan tempatan di perairan Kampung Mukut, Pulau Tioman dan beberapa perairan di negeri ini," katanya.